

Utusan Khas PM adakan pertemuan dengan Duta Qatar

February 17, 2022



KUALA LUMPUR: Utusan Khas Perdana Menteri ke Timur Tengah, Tan Sri Tuan Guru Abdul Hadi Awang mengadakan perbincangan lanjut dengan Duta Qatar ke Malaysia, Fahad Mohd Y. Kafoud semalam.

Pertemuan tersebut berkisar hasil dari susulan lawatan kerja beliau ke Qatar bagi membincangkan peranan yang perlu diambil oleh Malaysia dalam usaha membantu membangunkan Afghanistan terutamanya dalam bidang pendidikan, kemanusiaan dan ekonomi.

"Insya-Allah tindakan susulan akan diambil oleh pemegang-pemegang taruh bagi menjayakan usaha murni ini," ujarnya dalam satu hantaran di laman Facebook beliau, hari ini.

Beliau sebelum ini telah menyempurnakan lawatan kerja selama empat hari ke Qatar pada 31 Januari hingga 4 Februari dengan mandat dan persetujuan Perdana Menteri.

Pejabat Utusan Khas Perdana Menteri Ke Timur Tengah pada 4 Februari lalu menyatakan tujuan lawatan itu adalah untuk terus memperkuatkannya hubungan dua hala antara Malaysia-Qatar yang sedia terjalin serta membincangkan isu-isu yang melibatkan kepentingan bersama di rantau Timur Tengah dan umat Islam seluruhnya.

Menurut kenyataan itu, sepanjang lawatan di Doha, Tuan Guru Abdul Hadi telah mengadakan pertemuan dengan pihak kerajaan Qatar dan pemegang taruh utama seperti Perdana Menteri, Sheikh Khalid bin Khalifa bin Abdul Aziz Al-Thani, Menteri Perdagangan dan Industri, Sheikh Mohamed bin Hamad bin Qassim Al-Abdullah Al-Thani, Penolong Menteri Luar dan Jurucakap Kementerian Luar Negeri, Lolwah binti Rashid Al-Khater.

"Fokus utama lawatan ini adalah untuk menzahirkan kesediaan Malaysia untuk bekerjasama dengan Qatar dalam usaha pembangunan semula Afghanistan termasuk penyelarasan misi bantuan kemanusiaan, di samping membuka pintu kerjasama baharu antara kedua-dua negara khususnya dalam bidang ekonomi, pendidikan, dan kebijakan bagi manfaat bersama," ujar kenyataan itu lagi. – **HARAKAH DAILY 17/2/2022**